



PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil berkongsi secara ringkas perspektif "Kita" mereka, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana mereka merasakan Roh Kudus menjemput mereka untuk memberi tanggapan.

Bersama sebagai KED, kenal pasti satu "Gerak Tindakan" yang mudah untuk membantu Sabda Tuhan berakar dalam kehidupan harian.

Sebagai contoh:

- Sebagai keluarga, mengurangkan pembaziran, menjimatkan air atau mengamalkan kitar semula dengan sengaja.
- Sebagai KED, menganjurkan inisiatif alam sekitar yang mudah, seperti gotong-royong pembersihan, penanaman pokok atau perkongsian kesedaran.
- Sebagai individu, mengamalkan gaya hidup sederhana dan penuh kesyukuran, bukan hidup secara berlebihan.

DOA UMAT

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

- "Tuhan, bantulah kami untuk menghormati dan melindungi ciptaan-Mu."
- "Tuhan, bantulah kami untuk mengubah kebiasaan kami yang merosakkan bumi."

Sahutan: "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

Doa Penutup:

- Doa Bapa Kami
- Doa Kemuliaan
- Tanda Damai

Lagu Penutup: Terpujilah Allah Yang Ditinggi

Terpujilah Allah yang di-tinggi
Mulia-kanlah Tuhan yang Esa
Homat sanjungi nama-Nya
Untuk selamanya

Terpujilah Allah Tuhan
Raja segala Raja
Tiada Tuhan selain-Nya
Yang layal t'rima pujian

Terpuji Allah yang ditinggi
Bapa yang menyerlah Anak-Nya
Menyeleamatkan umat manusia
Dari belenggu dosa

KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:

EKOLOGI: PENJAGAAN RUMAH KITA BERSAMA

Sebagai Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam iman, kita dipanggil untuk menjadi Gereja yang sinodal dan profetik, yang mendengar, menimbang dengan bijaksana dan memberi tanggapan terhadap tanda-tanda zaman. Panggilan Kristian kita bukan sahaja untuk mewartakan Injil, tetapi juga untuk melindungi martabat kehidupan dan keindahan ciptaan yang telah diamanahkan oleh Tuhan kepada kita. Gereja mengajak semua orang kepada pertobatan ekologi dan kesedaran tanggungjawab yang diperbaharui untuk menjaga rumah kita bersama. Semoga perjalanan kita bersama membawa kita menjadi setia dan saksi bagi dunia. penjaga ciptaan yang harapan yang berani



MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Ajaib Tuhan

(How Great Thou Art)

Oh Tuhanku Bila Kuterpesona
Merenungkan Ciptaan-Mu Semua
Kusaksikan Bintang Guruh Angkasa
Tanda Kebesaran-Mu di Dunia

**Ch: Aku Memuji Kebesaran-Mu
Ajaib Tuhan, Ajaib Tuhan
Aku Memuji Kebesaran-Mu
Ajaib Tuhan, Ajaib Tuhan**

Dunia ini, dan semua susunannya
Bulan bintang semuanya indah
Penduduknya,
wujud berbagai bangsa
Semua dikasihi oleh-Nya

Doa Pembukaan

Tuhan Pencipta yang penuh kasih,
Engkau telah mengamanahkan bumi
kepada jagaan kami dan memanggil
kami untuk hidup harmoni dengan
segala yang telah Engkau ciptakan.

Bukalah mata kami untuk melihat
ciptaan sebagai anugerah-Mu,
hati kami untuk merasakan
tanggungjawab dan bukan hak
semata-mata, dan tangan kami untuk
melindungi, bukan mengeksploitasi.

Ajarilah kami untuk berjalan bersama
sebagai satu komuniti, untuk
mendengar jeritan bumi dan jeritan
orang miskin, dan untuk menghidupi
iman kami melalui tindakan penjagaan
yang nyata.

Kami memohon ini melalui Kristus
Tuhan kami. Amin.

Laluan Pastoral

Sejak awal lagi, Tuhan mengamanahkan ciptaan kepada manusia, bukan sebagai pemilik, tetapi sebagai penjaga. Perintah untuk "mengusahakan dan memelihara" menunjukkan hubungan yang berasaskan tanggungjawab, penjagaan dan kesederhanaan. Ciptaan bukan sekadar sumber untuk digunakan, tetapi anugerah yang harus dilindungi dan dikongsi.

Pada hari ini, krisis ekologi seperti perubahan iklim, pencemaran dan kehilangan biodiversiti bukan sahaja isu alam sekitar, tetapi juga keprihatinan moral dan rohani. Krisis ini memberi kesan paling besar kepada golongan miskin dan mencabar cara kita hidup bersama. Cara kita melayani ciptaan mencerminkan hubungan kita dengan Tuhan, sesama manusia dan generasi akan datang.

Gereja yang sinodal berjalan bersama, sambil mendengar jeritan bumi dan jeritan orang miskin. Gereja yang profetik berani mengubah kebiasaan, mencabar budaya kepenggunaan dan memilih cara hidup yang lestari. Penjagaan rumah kita bersama bukanlah devosi pilihan, tetapi ungkapan iman kita dalam tindakan.


Pada bulan ini, kita merenung bagaimana KED dan keluarga kita dapat menghidupi spiritualiti yang berpusatkan ciptaan, di mana rasa syukur, kesederhanaan dan tanggungjawab membentuk kehidupan harian.

KITAB SUCI

Kejadian 2:15

Tuhan Allah mengambil manusia itu dan menempatkannya dalam taman Eden untuk mengusahakan dan memelihara taman itu.

Berhenti sejenak dalam keheningan doa untuk merenung teks Kitab Suci di atas dan bagaimana saya sedang mengusahakan serta menjaga taman yang Tuhan amanahkan kepada saya, iaitu rumah saya, komuniti saya dan alam sekitar saya.



BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Bentuk kumpulan kecil seramai 4 hingga 6 orang. Ambil satu minit keheningan antara setiap pusingan perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif “Saya”

(Semua dijemput untuk berkongsi sekali sahaja, dalam masa kurang daripada dua minit.

(Tiada ulasan terhadap perkongsian orang lain.)

- Berdasarkan Kejadian 2:15 dan cabaran ekologi hari ini, apakah kebiasaan atau sikap peribadi saya yang dipanggil untuk ubah demi menjaga rumah kita bersama?

(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian. Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan – Perpektif “Saya dan Anda”

Peserta memberi maklum balas terhadap sesuatu yang mereka dengar daripada orang lain.

- Apakah perkara yang menyentuh hati saya daripada perkongsian orang lain?
- Di manakah saya melihat cabaran yang sama atau harapan yang dikongsi bersama?

(Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan 3 – Perpekstif “Kita”

(Fasilitator menjemput kumpulan untuk menimbang bersama.)

Apakah yang Roh Kudus katakan kepada kita sebagai KED tentang bagaimana kita dapat berjalan bersama dalam menjaga ciptaan?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)